KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	-			

Syor warta Teluk Air Tawar-Kuala Muda Tapak Ramsar

Lokasi penemuan burung sekendi sudu muka hitam penting dijaga, tarik spesies lain

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda, lokasi penemuan spesies terancam global burung sekendi sudu muka hitam dilihat sangat berpotensi untuk diwartakan sebagai Tapak Ramsar dunia yang baharu.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata penemuan spesies burung terancam di peringkat global itu membuktikan lokasi itu begitu penting untuk dijaga, sekali gus mampu menarik kehadiran lebih banyak spesies burung hijrah lain.



Ahmad Ismail

Pemuliharaan dan perlindungan kawasan paya bakau dan dataran berlumpur menjadi semakin sukar kepada semua pihak ketika ini kerana lokasi berkenaan diancam pencemaran dan pembangunan.

"Malaysia sebagai rakan kongsi laluan penerbangan Asia Timur-Australasia (EAAF) bagi burung hijrah komited dalam menjaga kawasan tanah basah dan mempunyai tujuh Tapak Ramsar yang diiktiraf dunia.

"Kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda juga adalah salah satu tempat penting tanah basah yang menjadi tempat persinggahan burung-burung berhijrah dan burung air tempatan dan ia adalah antara tapak penting yang boleh dijadikan Tapak Ramsar yang baharu," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin *BH* melaporkan, burung sekendi sudu muka hitam yang terancam dan dijangka populasinya berkurang kepada kira-kira 500 ekor sahaja pada masa hadapan, dikesan muncul di muara Sungai Lahar Endin, Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, pada 15 Disember lalu.

Penemuan burung itu di negara ini adalah mengejutkan kerana ia adalah burung hijrah yang begitu jarang dilihat di Malaysia dan biasanya ditemui di Asia Timur sahaja.

Malaysia kini mempunyai tujuh Tapak Ramsar iaitu Tasek Bera di Pahang; Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai di Johor; Kuching Wetland National Park, Sarawak; Lower Kinabatangan-Segama Wetlands dan Kota Kinabalu Wetlands di Sabah yang dilindungi di bawah undang-undang perhutanan, taman negeri dan tanah sama ada sebagai hutan simpanan kekal, taman negeri atau kawasan perlindungan tanah lembap.

Mengulas lanjut Ahmad berkata, Malaysia perlu menambah sekurang-kurangnya lima Tapak Ramsar yang baharu memandangkan pelbagai cabaran dalam pemuliharaan habitat dan burung berhijrah dan habitatnya.

"Antara yang dilihat berpotensi adalah Teluk Air Tawar-Kuala Muda, Matang-Kuala Gula dan Taman Alam Kuala Selangor dan mungkin satu lagi masing-masing di Sabah dan Sarawak," katanya.

Katanya, khazanah alam itu perlu diwartakan sebagai kawasan yang dilindungi sepenuhnya bagi mengekalkan hutan paya bakau dan dataran lumpur yang sedia ada daripada sebarang ancaman pembangunan.